



**JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

Jalan Cenderasari  
50590 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Tel : 03-2268 7333  
Fax : 03-2268 7555  
Laman Web : jknkl.moh.gov.my



Ruj. Kami : Bil. (9) dlm. JKWPKL(K)/131/1 JLD. 20  
Tarikh : 15 Mei 2019

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PENJELASAN BERKENAAN PENGGUNAAN PENYATA *TOUCH & GO* BAGI  
TUNTUTAN PERJALANAN DAN EDARAN SEMULA SURAT ARAHAN DALAMAN  
JKWPKL&P BIL. 1 TAHUN 2018 (PENAMBAHBAIKAN PROSES TUNTUTAN BAYARAN  
DAN BAYARAN PESANAN KERAJAAN – BAHAGIAN 1)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas. Surat seperti berikut adalah berkaitan:

- i. Surat bil. (15) dlm. JKWPKL(K)/131/1 JLD. 19 bertarikh 24 Ogos 2018; dan
- ii. Surat bil. (42) dlm. JKWPKL(K)/131/1 JLD. 19 bertarikh 19 November 2018 (Surat Arahan Dalamam JKWPKL&P Bil. 1 Tahun 2018).

2. Seperti YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, **tuntutan bayaran balik** pegawai (tuntutan perjalanan) bagi pembayaran yang menggunakan kad ***Touch & Go*** perlu **disokong dengan penyata *Touch & Go*** supaya tuntutan perjalanan yang dibuat oleh pegawai lebih telus. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Bil. 3 Tahun 2018 dan **berkuat kuasa kepada PTJ Ibu Pejabat JKWPKL&P dan semua PTJ di bawah JKWPKL&P mulai tuntutan perjalanan bulan September 2018.**

3. Perkara 3 surat bil. (15) dlm. JKWPKL(K)/131/1 JLD. 19 bertarikh 24 Ogos 2018 menyatakan semua pegawai yang membuat tuntutan bayaran balik (tuntutan perjalanan) dengan menggunakan kad ***Touch & Go*** dikehendaki untuk **mendaftarkan kad *Touch & Go* masing-masing** di laman web syarikat tersebut. Maksud pegawai perlu mendaftar kad ***Touch & Go*** masing-masing adalah pegawai perlu mendaftar kad ***Touch & Go*** milik pegawai tersebut. Sehubungan itu, nama yang perlu tertera di penyata ***Touch & Go*** adalah atas nama pegawai yang membuat tuntutan.

"KAMI SEDIA MEMBANTU"



**SIRIM**  
PENGKERTIFIKAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : AR 5415

4. Perkara 3.4.5.1 di Surat Arahan Dalam JKWPKL&P Bil. 1 Tahun 2018 dengan jelas menyatakan bahawa resit asal dan bercetak (sekiranya berkaitan) hendaklah dikemukakan sebagai bukti pembayaran telah dijelaskan. **Resit yang dikeluarkan hendaklah atas nama pegawai dan bukannya atas nama suami/isteri/bapa/ibu/anak pegawai** selaras dengan isu integriti. Sehubungan itu, penyata *Touch & Go* adalah tertakluk kepada perkara 3.4.5.1 di mana ia menggantikan resit sebagai bukti pembayaran telah dijelaskan.

5. Bersama-sama ini diedarkan semula Surat Arahan Dalam JKWPKL&P Bil. 1 Tahun 2018 yang **masih berkuat kuasa** untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan selanjutnya. Surat arahan dalam ini perlu dipatuhi oleh semua Bahagian/Cawangan/Unit/Seksyen di Ibu Pejabat JKWPKL&P dan menjadi panduan kepada semua PTJ di bawah JKWPKL&P.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH)

MMC: 28133

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur dan Putrajaya

**SENARAI EDARAN:**

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)
6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
7. Pengarah Hospital  
Hospital Putrajaya
8. Pengarah Hospital  
Hospital Rehabilitasi Cheras
9. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Putrajaya
10. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Lembah Pantai
11. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Cheras
12. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Titiwangsa
13. Pegawai Kesihatan Daerah  
Pejabat Kesihatan Kepong